



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

SOALAN LAZIM

PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2025

1. **Bagaimanakah permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan dan penyemakan semula keputusan peperiksaan Kes 'T' bagi Peperiksaan SPM Tahun 2025 boleh dilakukan?**

Permohonan penyemakan semula keputusan Peperiksaan SPM Tahun 2025 boleh dilakukan melalui dua cara iaitu:

- a) secara dalam talian di sesawang **elp.moe.gov.my**, atau
- b) melalui aplikasi **e-Lembaga Peperiksaan (e-LP)** yang boleh dimuat turun melalui *Google Play Store* (pengguna Android), *Apple Apps Store* (pengguna iOS) dan *Huawei AppGallery* (pengguna Huawei).

2. **Apakah syarat untuk permohonan penyemakan semula keputusan Peperiksaan SPM Tahun 2025?**

Syarat permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah **calon tidak berpuas hati dengan gred yang diperolehi**.

3. **Berapa lama tempoh permohonan dibuka?**

Permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan bagi Peperiksaan SPM Tahun 2025 dibuka selama **30 hari** mulai **31 Mac 2026** hingga **29 April 2026**.

4. **Adakah permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan ini dikenakan bayaran? Jika ada, berapa jumlahnya?**

Ya. Kadar bayaran bagi penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah sebanyak **RM100.00** bagi setiap mata pelajaran.

5. **Adakah calon boleh membuat bayaran permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan secara tunai?**

Tidak. Pembayaran penyemakan semula keputusan peperiksaan dibuat secara dalam talian sahaja melalui aplikasi e-LP.

6. **Adakah permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan akan diproses jika calon tidak membuat bayaran semasa permohonan?**

Tidak. Permohonan yang tidak disertakan dengan bayaran tidak akan diproses.

7. **Adakah permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan Kes 'T' akan dikenakan bayaran?**

Ya. Kadar bayaran bagi penyemakan semula keputusan peperiksaan Kes 'T' adalah sebanyak **RM100.00 bagi setiap mata pelajaran.**

8. **Apakah syarat untuk permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan Kes 'T' bagi Peperiksaan SPM Tahun 2025?**

Syarat permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan Kes 'T' adalah **calon hadir** Ujian Bertulis dan melaksanakan Ujian Bertutur/Ujian Mendengar/Ujian Amali Sains/Pentaksiran Pusat bagi mata pelajaran tersebut (sekiranya berkenaan) **tetapi memperoleh gred 'T'** bagi mata pelajaran tersebut.

9. **Bagaimanakah keputusan penyemakan semula keputusan peperiksaan dimaklumkan kepada calon?**

Keputusan permohonan penyemakan semula peperiksaan akan dimaklumkan melalui kaedah berikut:

- i. pemberitahuan melalui **e-mel**, dan
- ii. secara dalam talian melalui aplikasi **e-LP**.

10. **Bagaimanakah calon boleh mendapatkan slip keputusan yang baharu?**

Jika penyemakan semula keputusan peperiksaan didapati **BERUBAH**, tindakan calon adalah seperti berikut:

- i. calon sekolah boleh mendapatkan slip keputusan peperiksaan yang baharu melalui sekolah masing-masing, atau
- ii. calon persendirian boleh mendapatkan slip keputusan peperiksaan yang baharu di Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan.

11. Bolehkah calon memohon untuk penyemakan semula keputusan peperiksaan kali kedua setelah keputusan dikeluarkan?

Tidak. Permohonan semak semula hanya dibenarkan **sekali** sahaja bagi setiap mata pelajaran.

12. Bolehkah calon membatalkan permohonan penyemakan semula keputusan dimohon secara dalam talian?

Tidak. Permohonan yang telah dikemukakan secara dalam talian akan diproses sebaik sahaja permohonan diterima.

13. Bolehkah calon menambah bilangan mata pelajaran permohonan penyemakan semula keputusan peperiksaan bagi Peperiksaan SPM Tahun 2025?

Ya. Calon boleh menambah mata pelajaran untuk penyemakan semula keputusan peperiksaan melalui permohonan sedia ada di aplikasi e-LP.

14. Siapa yang perlu dihubungi jika terdapat masalah berkaitan pendaftaran dan pengurusan bayaran pendaftaran permohonan dalam aplikasi e-LP?

Sebarang pertanyaan berkenaan pendaftaran aplikasi e-LP dan pengurusan bayaran pendaftaran secara dalam talian, calon boleh:

- i. melayari portal rasmi LP di sesawang <https://lp.moe.gov.my>.
- ii. merujuk manual e-LP.
- iii. menghantar e-mel kepada khidmatbantu.lp@moe.gov.my, atau
- iv. menghubungi talian **03-88843785/3787/3365/3260/3443/3439** mengikut waktu operasi berikut:

Isnin hingga Khamis **8:15 pagi hingga 4:30 petang**

Jumaat **8:15 pagi hingga 12:00 tengah hari,
2:45 petang hingga 4:30 petang**

Calon perlu memberikan maklumat seperti yang berikut:

- i. Nama pemohon.
- ii. Nombor kad pengenalan.
- iii. Nombor angka giliran.
- iv. Tarikh pendaftaran dan bayaran.
- v. Masa pendaftaran dan bayaran.
- vi. Mata pelajaran.
- vii. Nombor telefon.

-TAMAT-